

Enam pemenang pertandingan inovasi wakili Sabah

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

bustymessy@gmail.com

KOTA KINABALU: Enam pemenang dari pelbagai kategori Pertandingan Inovasi, Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Sabah bakal mewakili Sabah ke Festival Malaysia Inovatif 2010 peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur hujung tahun ini.

Kesemua pemenang itu termasuklah kategori sekolah rendah yang dimenangi oleh Sekolah St. Francis Convent (M); sekolah menengah, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kinarut; wanita, Dr. Rossita Shapawi; Orang Kurang Upaya (OKU), Fazera Ilyani Ali; Komuniti, Mulyadi Guliling dan Mohammad Hafiz Ahmad Tajudin; serta pereka muda, Chong Khim Phin.

Sebanyak 120 penyertaan

diperolehi dari negeri ini dan daripada jumlah itu hanya 26 finalis yang dipilih untuk pertandingan akhir. Selain itu, dalam pertandingan ini juga menyaksikan kategori sekolah menengah mencatatkan penyertaan terbanyak iaitu 50 penyertaan.

Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan percambahan minda dan pemikiran kreatif dari kalangan segenap lapisan masyarakat Malaysia serta untuk membudayakan inovasi. Ia juga bagi menunjukkan usaha kerajaan yang komited dalam pelaksanaan Malaysia Inovatif 2010 (MI2010).

Majlis penyampaian hadiah pertandingan itu berlangsung di sini kelmarin dan disempurnakan oleh Naib



BAGUS ... Para pemenang bergambar bersama selepas majlis penyampaian hadiah. Turut kelihatan Kamaruzaman (tengah).

Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon.

Beliau berkata aktiviti seperti itu dapat meningkatkan

kesedaran masyarakat tentang kepentingan berfikir secara kreatif dan inovatif kerana ganjaran yang diperolehi dari fikiran yang kreatif dan inovatif adalah amat besar dan tidak

hanya berbentuk kewangan yang membawa hasil rekacipta untuk dijual di pasaran malah, dapat melahirkan insan yang berilmu untuk pembangunan negara pada masa hadapan.